



PEMBUKAAN RASMI MESJID CHAHAYA DERMA BAKTI

PENANJONG. — Mendirikan sa-buah Mesjid itu ia-lah suatu amal yang terpuji di-sisi Allah kerana dengan ada-nya Mesjid Allah dapat-lah orang2 Islam berkumpul dan berjama'ah membuat amal ibadat di-dalam-nya dan juga menjadi simbol atau shiar Islam di-tempat2 itu. Demikian antara-nya titah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin.

Duli Yang Maha Mulia melafadzkan titah tersebut di-istiadat pembukaan rasmi Mesjid Chahaya Derma Bakti, Penanjong, Daerah Tutong pada hari Jumaat 25 August, 1961.

Selanjut-nya Baginda bertitah bahawa bukan-lah Mesjid itu semata2 di-adakan untuk menjadi rumah gedong atau museum yang di-lawati sa-sakali sahaja tetapi hendak-lah ia di-raikan pada sa-tiap waktu.

"Mesjid2 hendak-lah di-raikan oleh orang2 yang beriman. Suatu amal yang baik itu akan sempurna-lah ia jika di-buat dengan niat ikhlas semata2 kerana Allah dan tiap2 orang Islam hendak-lah tunduk takut kepada Allah di-dalam mengerjakan segala pekerjaan kerana dengan takut kepada Allah bersehlah hati-nya dan amalan-nya", kata Baginda.

Ketika bertitah di-majlis tersebut Duli Yang Maha Mulia telah menguchapkan terima kasih kepada Ahli2 Jawatan Kuasa Pembukaan mesjid tersebut dan juga kepada penduduk2 Kampong Penanjong kerana menjemput Baginda hadir di-majlis itu.

Dengan mengambil peluang yang berbahagia itu, Duli Yang Maha Mulia sukachita menyebut sepatah firman Allah yang maksud-nya bahawa orang2 yang makmor dan meraikan Mesjid2 Allah itu ia-lah orang2 yang beriman dengan Allah dan hari kiamat, mendirikan sembahyang, memberi zakat ia tidak takut dan tunduk melainkan kepada Allah. Moga2 mereka itu-lah termasuk di-dalam golongan orang2 yang mendapat hidayah atau petunjuk Allah.

Sa-terus-nya Duli Yang Maha Mulia bertitah "Ugama Islam kita ini ia-lah ugama yang bersehlah, suatu ugama yang mengutamakan kebaikan dan kebajikan seluruh manusia, kebajikan manusia terhimpun dalam satu

pengakuan kepada Tuhan yang asa ia-itu Allah dan bahawa Muhammad ia-lah pesuruh Allah.

"Sa-telah itu menyempurnakan ketaatan kita dengan sembahyang menyembah Allah, berpuasa, memberi zakat dan mengerjakan haji di-Baitullah Alharam di-Negeri Mekah.

"Di-dalam kebajikan yang lima perkara itu, dua daripadanya ia-itu pengakuan sahadat dan sembahyang lima waktu sa-hari salam ia-lah yang mengenai di-

antara hamba dengan Tuhan-nya.

"Tiga lagi ia-itu puasa, zakat dan mengerjakan haji ia-lah kebajikan yang mengenai antara hamba dengan hamba Allah atau manusia dengan manusia — dan ini-lah yang di-namakan hukum dan atoran kemasharakatan yang murni dan adil.

"Mengajarkan manusia berpuasa supaya insaf akan saudara2-nya yang miskin dan tidak mendapat chukup makanan. Berpuasa mengajar kita supaya tabah hati mendirikan keadilan dan kesejahteraan dan menunaikan

(Lihat Muka 4)



Dua pemandangan di-Pasiban Agong, Istana Darul Hana, Brunei pada masa di-langsungkan istiadat perishtihaan Y.T.M. Duli Pengiran Muda Hassanah Bolkiah sa-bagai Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Brunei pada bulan August yang lalu.

Sambutan2 Meriah Lawatan D. P. M. M.

BANDAR BRUNEI. — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Brunei putera sulung kepada Duli2 Yang Maha Mulia Sultan dan Raja Isteri telah mendapat sambutan yang meriah dalam masa lawatan rasmi ka-Daerah2 Tutong, Belait dan Temburong pada bulan yang lalu.

Pada 16 August Y.T.M. Duli Pengiran Muda Mahkota telah melawat ka-Daerah Tutong dan ka-Daerah Belait. Pada 17 August Yang Teramat Mulia itu telah melawat ka-Daerah Temburong.

Yang Teramat Mulia itu telah memberi ucapan di-tiap2 majlis sambutan, manakala wakil penduduk2 tiap buah daerah itu telah memberi ucapan ta'at setia kepada Y.T.M. Duli Pengiran Muda Mahkota Brunei.

Sa-lain daripada itu penduduk2 di-Daerah Brunei dan Muara telah juga mengadakan sambutan2 meriah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Brunei.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Brunei telah berziarah ka-Makam2 Diraja pada hari Sabtu 19 August.

Pada petang hari Ahad 20 August, Yang Teramat Mulia itu telah berangkat ka-Kuala Lumpur, Persekutuan Tanah Melayu dengan kapal terbang untuk meneruskan pelajaran di-sabua Sekolah Inggeris di-sana.

Turut berangkat ka-Kuala Lumpur bersama2 dengan Yang Teramat Mulia itu untuk meneruskan pelajaran sa-lepas berchuti di-sini ia-lah putera yang kedua kepada Duli2 Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan Raja Isteri ia-itu Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, putera2 kepada Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara, putera2 kepada Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha dan sa-orang putera kepada Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud.

NASEHAT KAPADA PENUNTUT2 BRUNEI DI-LUAR NEGERI

BANDAR BRUNEI. — Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Md. Yusuf, Timbalan Setia Usaha Kerajaan telah menggesa penuntut2 yang sedang menuntut dan akan menuntut di-luar negeri supaya mensitatkan diri mereka sa-bagai duta yang tidak rasmi dari negeri ini apabila mereka berada di-luar negeri.

Ketika berucap dalam majlis jamuan yang telah di-adakan oleh penuntut2 dan bekas penuntut2 luar dan dalam negeri kerana mengukuhkan tali persahabatan antara pemuda dan pemudi dan berkenalan lebih rapat lagi antara satu sama lain beliau menegaskan :

"Nama baik, budi perangai dan adat resam masyarakat negeri ini akan di-kenali oleh mata dunia melalui penuntut2 di-luar negeri, oleh itu jaga-lah nama baik negeri ini apabila penuntut2 berada di-luar negeri nanti."

Jamuan yang di-adakan atas pakatan bersama oleh penuntut2 dan bekas penuntut2 luar dan dalam negeri itu telah di-langsungkan di-Brunei Hotel di-sini pada

18 August yang lalu dengan di-hadiri oleh lebih kurang 80 orang penuntut2 dan bekas penuntut2 tersebut.

Pengiran Haji Md. Yusuf salanjut-nya berkata bahawa ja-

ngan-lah hendak-nya penuntut2 merasa bangga apabila mempunyai pelajaran yang tinggi dan merasa diri mereka lebih bijak dari orang lain serta memandang hina masyarakat yang tidak berpelajaran. Perasaan demikian sangat merugikan pembangunan masyarakat.

"Jika perasaan ini maseh ada di-jiwa sa-tengah2 penuntut2 yang akan menjadi orang yang bertanggung jawab di-negeri ini harus-lah di-kikis dari sekarang, kerana kalau tidak ada masyarakat yang tidak berpelajaran maka penuntut2 tidak akan di-hantar keluar negeri untuk belajar lebih tinggi lagi", tambah beliau.


HARAPAN MASHARAKAT

Dato Setia berkata :

"Negara Brunei pada masa ini ada-lah merupakan sa-biji bakul yang maseh belum siap di-anyam, oleh itu kepada pemuda pemudi tegas-nya penuntut2-lah yang di-harap2kan oleh masyarakat negeri ini untuk menyiapkan anyaman bakul yang belum siap itu".

Turut memberi ucapan dalam majlis itu ia-lah wakil dari penuntut2 England, Mesir dan bakal penuntut2 di-Australia disamping penuntut2 dan bekas penuntut2 dalam negeri.

PEGAWAI ANGGOTA2 J. K. R.



Pengiran Metussin

BANDAR BRUNEI. — Pengiran Metussin bin Pengiran Piut Kerani Besar di-Jabatan Kerja Raya Negeri Brunei telah dilantik menjadi Pegawai Anggota2 Jabatan Kerja Raya Negeri Brunei mulai dari 1 August, 1961.

Beliau telah berkhidmat dengan Kerajaan Brunei mulai dari 1 January, 1923, sa-bagai Guru sekolah Melayu. Sa-telah menjadi guru sa-lama lima tahun, Pengiran Metussin telah berkhidmat dengan Jabatan Kerja Raya.

Pengiran Metussin telah menjadi Kerani Besar di-Jabatan Kerja Raya mulai dari tahun 1931 dan terus menjawab jawatan itu hingga beliau di-lantik menjadi Pegawai Anggota2.

Beliau ia-lah sa-orang ahli sukan yang terkenal dan biasa mewakili Bandar Brunei dalam pertandingan2 tennis, bola sepak, hokey, billiard dan kriket.

Balek dari England

BANDAR BRUNEI. — Inche Mohamed Salleh bin Abdul Kadir, Penolong Pegawai Penerangan Brunei telah balek ka-Brunei dari England pada petang hari Khamis yang lalu.

Beliau telah pergi ka-England sa-tahun dahulu kerana menghadhiri kursus pentadbiran dan perkhidmatan awam atas biasiswa Kerajaan Brunei.



Y.B. Dato Setia Pg. Hj. Mohd. Yusuf

PEGAWAI KEBAJIKAN MASHARAKAT

BANDAR BRUNEI. — Inche H.M. Salleh, Pegawai Kebajikan Masyarakat Negara, Brunei akan berangkat ka-Persekutuan Tanah Melayu dengan kapal terbang pada 10 September akan datang.

Beliau akan berlateh di-Pusat Kebajikan Masyarakat di-Kuala Lumpur dan sa-lepas itu akan melawat ka-beberapa tempat di-Persekutuan Tanah Melayu untuk mempelajari berbagai2 perkara yang bersangkutan paut dengan hal ehwal kebajikan masyarakat.

Inche Salleh mulai berkhidmat sa-bagai Pegawai Kebajikan Masyarakat Negara pada 10 August yang lalu.

Beliau di-lahirkan di-Kampung Kianggeh, Bandar Brunei pada 26 June, 1919 dan mulai mendapat pendidikan di-Sekolah

Melayu Pekan Brunei.

Sa-telah lulus Darjah Lima di-sekolah itu, Inche Salleh telah menjadi Guru Pelateh. Kemudian pada tahun 1938 beliau telah melanjutkan pelajaran di-Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak.


BALEK KA-TANAH AYER

Beliau balek ka-Tanah Ayer pada tahun 1940 sa-lepas lulus peperiksaan Tahun Tiga di-maktab tersebut dan berkhidmat sa-bagai Guru Besar, Sekolah Melayu Kuala Belait pada bulan October tahun 1940. Beliau terus menjadi Guru Besar sekolah itu hingga masa Jepun mendarat di-negeri ini dalam bulan December 1941.

Apa-bila tamat peperangan, Inche Salleh telah menjalankan perniagaan sendiri. Bagaimanapun, beliau telah berkhidmat sa-mula dengan Kerajaan Brunei pada 1 June, 1954 sa-bagai Inspektor Permakanan Sekolah2 Sa-Negeri Brunei dan berhenti dari jawatan itu pada penghujung tahun 1955.

Inche Salleh akan balek ka-Brunei dalam bulan December hadapan sa-telah berlateh dan mempelajari hal ehwal kebajikan masyarakat di-Persekutuan Tanah Melayu.

BERANGKAT KA-AUSTRALIA



Pegawai2 Kerajaan Brunei yang telah berangkat ka-Australia bergambar dengan Y.B. Tuan M.D.B. Graham, Pegawai Kewangan Negara Brunei (di-tengah) di-lapangan terbang Brunei.

BERAKAS — Enam orang pegawai2 Kerajaan Brunei telah berlepas ka-Australia dengan kapal terbang melalui Singapura pada petang hari Ithnin 28 August yang lalu untuk menghadhiri kursus kewangan sa-lama kira2 tiga tahun.

Beliau2 itu ia-lah Inche Ahmad Sa'ad dari Jabatan Kewangan, Bandar Brunei; Inche Zakaria bin Jeneh dari Pejabat Tanah, Bandar Brunei; Pengiran Salleh bin Pengiran Haji Rajid, dari Pejabat Elektrik, Bandar

Brunei; Inche Mohamed Ali bin Bakar dari Pejabat Setia Usaha Kerajaan Brunei; Inche Elias bin Patrick Jupp dari Pejabat Bandaran, Kuala Belait dan Inche Chong Kow Tze dari Pejabat Pulis, Kuala Belait.

Turut hadir di-lapangan terbang Berakas untuk mengucapkan selamat berangkat ka-Australia kepada pegawai2 tersebut ia-lah Yang Berhormat Tuan M.D.B. Graham, Pegawai Kewangan Negara dan ramai keluar-ga serta sahabat handai mereka.



Inche H. M. Salleh

LANTEKAN2 BAHARU

BANDAR BRUNEI. — Inche Hamdani bin Abdul Rahman, Guru Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei telah di-lantek menjadi Pensharah di-Maktab Perguruan Melayu Brunei.

Doktor T. Panch dan Doktor Bhaginan Das Phakka dari Persekutuan Tanah Melayu telah berkhidmat dengan Jabatan Perubatan Negeri Brunei.

Pengiran Momin bin Pengiran Damit sa-orang anggota Pejabat Penchen Negeri Brunei telah dilantek menjadi Pegawai Penyiasat Penchen Negeri Brunei.

Tuan David St. John Forrer, Superintendent Pulis telah dilantek menjadi Penolong Pesuruh Jaya Pulis Negeri Brunei mulai dari 1 January, 1961.

Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid, Penolong Superintendent Pulis telah dilantek menjadi Superintendent Pulis tempatan mulai dari 1 January, 1961.

Inche Stephen Liew, Penolong Superintendent Pulis telah dilantek menjadi Superintendent Pulis mulai dari 1 January 1961.

Pengiran Metussin bin Pengiran Shahbudin telah di-lantek menjadi Pemangku Setia Usaha, Lembaga2 Bandaran Belait dan Seria.

PERADUAN2 MISTER DAN MISS BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Satu peraduan untuk memilih "Mister Brunei Tahun 1961" akan di-adakan di-dewan Sultan Omar Ali Saifuddin College, pada 16 September hadapan mulai dari pukul 7 malam.

Sa-lain daripada itu peraduan "Miss Brunei Tahun 1961", juga akan di-adakan di-temasha tersebut.

Peraduan2 itu di-adakan kerana menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

MASOK BERTANDING

Orang2 yang berhajat hendak memasoki peraduan "Mister Brunei" boleh-lah membuat perhubungan dengan Sarjan Awangku Omar bin Pengiran Apong di-Balai Pulis, Bandar Brunei, Tuan R.D. Ross dan Inche Thomas Kong di-Borneo Company Limited, Bandar Brunei, atau Tuan J. Allen di-Sekolah Pertukangan Seria.

Wanita2 dari segala bangsa yang ingin beradu dalam peraduan "Miss Brunei" di-minta berhubung dengan Dayangku Intan binti Pengiran Apong di-Radio Brunei atau Puan Paxton d/a Shell Recreation Club Seria.

Masok bertanding ada-lah

KEBAKARAN DI-DAERAH2 BRUNEI — MUARA — TUTONG

BANDAR BRUNEI. — Dua puluh sembilan tempat telah berlaku kebakaran dalam Daerah2 Brunei, Muara dan Tutong dalam masa 6 bulan semenjak bulan March yang lepas dan semua kebakaran itu telah di-padamkan oleh anggota2 Perkhidmatan Bomba Brunei dengan pertolongan dari orang ramai.

Perkara tersebut telah di-terangkan oleh Inspektor Haji Mohamed, Pengelola Perkhidmatan Bomba Brunei.

Kebakaran itu ada-lah mengandungi 3 buah rumah dan 26 tempat2 lagi ia-lah lalang, kampung dan hutan.

Oleh kerana hal yang sademikian, beliau menasehatkan kepada orang ramai yang hendak membakar sampah dan sa-bagai-

nya supaya meninggalkan tempat itu sa-telah di-padamkan semua api dan jangan-lah membiarkan sadikit pun bara api tertinggal.

Lawatan Anggota2 Badan Penerangan Ugama Islam

BANDAR BRUNEI. — Anggota2 Badan Penerangan Ugama Islam Negeri Brunei telah melawat ka-Kampung Berbunut pada pagi hari Jumaat yang lalu dan bersharah di-Mesjid Kampung tersebut.

Pada petang dan malam hari tersebut, anggota2 Badan Penerangan Ugama Islam telah memberi sharahan di-padang Sekolah Melayu Sultan Omar Ali Saifuddin, Muara.

Anggota2 Badan Penerangan Ugama Islam akan melawat ka-beberapa tempat dalam Negeri Brunei pada bulan ini untuk memberi sharahan. Tarikh2 dan tempat2 yang akan di-lawati itu ada-lah seperti di-bawah ini:

Hari Jumaat 8 September — Masjid Panchor Murai, Tutong mulai dari pukul 11 pagi, dan di-Mesjid Sengkurong pada tarikh dan masa itu juga.

Hari Khamis 14 September — Masjid Kilanas mulai dari pu-

kol 8 malam.

Hari Juma'at 15 September — Masjid Kampung Layong, Ulu Tutong mulai dari pukul 11 pagi dan di-Sekolah Melayu Layong mulai dari pukul 2 petang. Pada hari itu juga akan di-adakan sharahan di-Mesjid Kampung Pengkalang Batu mulai dari pukul 11 pagi.

Hari Ahad 17 September — Sekolah Melayu Bukit Udal, Ulu Tutong mulai dari pukul 1 petang.

Hari Khamis 21 September — Masjid Tutong mulai dari pukul 8 malam.

Hari Juma'at 22 September — Masjid Kampung Danau mulai dari pukul 11 pagi dan pada tarikh dan masa itu juga di-adakan sharahan di-Mesjid Kampung Lumapas.

Hari Juma'at 29 September — Masjid Sungai Ubar, Belait dan Masjid Kampung Batu Apoi, Temburong mulai dari pukul 11 pagi.

Sa-kira-nya orang ramai hendak membakar pohon2 kayu dan lalang dengan sa-chara besar2an dengan bertujuan hendak menanam padi dan lain2 tanaman atau pun hendak membersehhkan tempat itu, mereka di-nasehatkan supaya memberi tahu kepada Perkhidmatan Bomba Brunei dengan sa-berapa segera.

Maka dengan jalan itu, dapatlah anggota2 Perkhidmatan Bomba bersedia di-tempat tersebut untuk memadamkan api sa-kira-nya api itu merebak ka-kawasan yang lain.

Inspektor Haji Mohamed membayangkan bahawa sa-lain daripada minyak, hasil yang banyak di-perolehi di-negeri ini ia-lah hasil dari kayu.


Kalau sa-kira-nya banyak pohon2 kayu di-bakar, maka lamakelamaan hasil yang di-perolehi dari kayu itu akan kurang dari sa-tahun ka-sa-tahun, kata-nya lagi.

AHLI2 MAJLIS2 MESHUARAT

BANDAR BRUNEI. — Yang Berhormat Inche Hashim bin Fahir, Ahli Majlis Meshuarat Negeri telah di-lantek menjadi Ahli Tidak Resmi Majlis Meshuarat Kerajaan Brunei menggantikan tempat Yang Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un yang telah di-lantek menjadi Pemangku Menteri Besar.

Inche Mohamed Akip bin Abdul Ghani dan Inche Mohamed Taha bin Abdul Rahman telah di-lantek menjadi Ahli2 Sementara Majlis Meshuarat Kerajaan.

Tuan P. A. Coates telah dilantek menjadi Ahli Sementara Majlis2 Meshuarat Kerajaan dan Negeri Brunei menggantikan tempat2 Tuan P.M. Linton.



Anggota2 Jabatan Ukur Brunei yang telah berangkat ka-Persekutuan Tanah Melayu baharu2 ini untuk berlateh. Dari kiri Inche Ibrahim bin Ahmad, Inche Abdul Rahman bin Kahar, Inche Ibrahim bin Saradin, Shaik Omar bin Shaik Haniff dan Inche Gemok bin Saradin.

KA-MALAYA

BANDAR BRUNEI. — Lima orang anggota2 dari Pejabat Ukur Negeri Brunei telah berlepas ka-Kuala Lumpur dengan kapal terbang dari lapangan terbang Berakas pada petang hari Rabu yang lalu untuk berlateh di-sana.

Dua orang daripada mereka itu akan berlateh sa-lama sa-bulan dan tiga orang lagi sa-lama tiga bulan, ia-itu:

Shaik Omar bin Shaik Haniff dan Inche Ibrahim bin Ahmad akan berlateh sa-lama sa-bulan, manakala Inche Ibrahim bin Saradin, Inche Gemok bin Saradin dan Inche Abdul Rahman bin Kahar akan berlateh sa-lama tiga bulan.

PEMBUKAAN RASMI MESJID C. D. B.

(Dari Muka 1)

hak2 yang wajib walau pun menderita kehausan dan kelaparan.

"Ada-pun menuntut persamaan hidup atau membela orang2 fakir miskin tetapi diri sendiri tidak sanggup berlajar kerana menunaikan perintah puasa sa-bulan2 Ramdhan itu ada-lah menunjokkan kepalsuan dan tidak jujur.

"Berpuasa dapat membiasakan diri dan jiwa kita duduk di-dalam keadaan yang sama seperti yang di-tanggung oleh orang2 yang kelaparan kerana kemiskinan-nya dan nasib-nya yang kurang baik, dengan demikian menimbulkan keinsafan pada diri kita.

DELAPAN GOLONGAN

"Demikian juga berzakat, mengeluarkan harta atas kadar yang tertentu di-beri kepada delapan jenis atau delapan golongan manusia yang Islam, seperti firman Allah ada-pun sadekah itu — sama ada yang wajib ia-itu zakat dan fitrah — atau sadekah2 yang lain wajib-lah di-berikan kepada delapan golongan ia-itu fakir, miskin, amil yang memungut zakat, mualaf yang baharu memeluk Uga Islam, orang2 yang menanggung hutang2 kerana nafkah yang halal bagi diri-nya dan anak isteri-nya, hamba yang ingin melepaskan diri-nya dengan tebusan, pada jalan Allah seperti mendirikan Mesjid, Surau, Sekolah2, Jalan2 Raya, Jambatan dan sa-umpama-nya dan juga kepada orang yang musafir atas perjalanan yang harus lagi tidak maksiat yang keputusan belanja di-tengah perjalanan-nya.

"Kebajikan dari zakat ini mengajarkan dengan chara amalan akan tanggung jawab orang kaya terhadap orang2 dan masyarakat yang berhajatkan pertolongan, mengurangkan penderitaan persahabatan dan saling hormat menghormati di-antara orang2 yang menderita dan orang2 yang ada kemampuan dan harta.

"Dengan itu akan tenteram-lah masyarakat dan semua pehak yang bersukor dan puas hati.

MELUPAKAN ALLAH

"Sa-bagai lagi mengeluarkan zakat dengan hati yang ikhlas itu akan melemahkan pengaruh kasihan harta dan wang ringgit di-hati manusia kerana selalu-nya manusia itu menjadi hamba harta-nya hingga melupakan Allah dan kewajipan terhadap sa-sama hamba Allah.

"Kewajipan haji ia-lah menyahut seruan Allah dengan membelanjakan harta dan menanggung kesusahannya pelayaran berhari2 dan berminggu2 di-dalam perjalanan, menghadirkan diri di-Ka'bah Baitullah dengan menanggung kepanasan dan penderitaan berhimpit2 bersesak2 dengan memakai sa-keping kain putel sahaja adalah merupakan persamaan nasib

di-antara sekalian orang Islam, yang mulia dan hina, kecil besar tua dan muda sama sahaja dengan tidak ada tingkat peringkat. Masing2 berkenal2an antara satu sama lain dengan penoh khu-shuk melambaikan seruan, Allah, "LabaiK LabaiK Allahumma Labaik". Ini-lah demokrasi Islam yang di-jalankan dengan amal bukan dengan kata2 sahaja.

"Di-dalam zaman demokrasi yang di-serukan itu, sa-benar-nya demokrasi sudah ada di-dalam hati dan simpanan orang Islam sendiri, menurut ajaran Allah dan Rasul, tetapi umat Islam terlupa atau tidak menyedari akan bekal-nya yang ada di-dalam simpanan-nya itu.

"Oleh yang demikian sukachita-lah saya menyatakan pada hari yang berbahgia ini seperti firman Allah di-dalam Al-Koran bahawa jika kamu bersalah2an faham pada sa-suatu perkara maka hendak-lah di-pulangkan atau di-rojokkan kembali perkara itu kepada Allah dan Rasul-nya. Demikian-lah diri kita dengan uga-ma kita.

"Di-dalam suatu masyarakat yang 'adil tidak-lah harus diri kita di-salah bawakan oleh chara2 yang bukan dari uga-ma Allah. Rasullullah telah bersabda di-dalam suatu hadits yang sahih bahawa-nya sa-saorang Islam yang sa-benar itu ia-lah orang yang tidak menyakiti orang Islam yang lain dengan lidah-nya dan dengan tangan-nya.

TAKWA KEPADA ALLAH

"Dan lagi firman Allah Subhanahu Wata'ala bahawa bertolong2-lah kamu pada perkara kebajikan dan takwa kepada Allah dan jangan-lah kamu champor bertolong2 pada jalan berdosa dan bermusuh2an.

"Negara yang maju ia-lah rayat-nya insaf akan diri dan menunaikan kewajipan masing2 dengan jujur dan ikhlas. Dan atas daripada segala2 itu ia-lah takutkan Allah dan berjalan di-atas Undang2 Uga-ma Allah ia-itu uga-ma kita yang maha suci."

Duli Yang Maha Mulia seterusnya bertitah bahawa di-dalam ucapan Setia Usaha Pembinaan Mesjid Chahaya Derma Bakti di-majlis tersebut beliau

menyatakan ia-itu Mesjid yang baharu itu telah mula di-bena semenjak 26 June, 1960.

"Ini bererti dalam masa lebeh sa-tahun siap-lah binaan mesjid ini dan juga berma'ana-lah bahawa sempor-na-nya sesuatu pekerjaan yang kebajikan itu ia-lah dengan tidak berhenti2", titah Baginda.

MENYEMBAHKAN BAKTI

Akhir-nya Duli Yang Maha Mulia bertitah, "Saya dengan sukachita menyertai kegembiraan ahli2 Kampong Penanjong atas kejayaan mereka membangunkan

rumah Allah yang mulia ini dan saya yakin dengan ada-nya Mesjid ini dapat-lah tuan2 berhimpun menyembahkan bakti dan menunaikan kewajipan uga-ma dan juga belajar menambahkan lagi ilmu pengetahuan uga-ma sa-bagaimana yang di-kehendaki oleh uga-ma kita. Dengan taufek dan hidayah Allah Subhanahu Wata'ala dan barkat junjongan kita Muhammad Sallallah Alaihi Wasalam, dengan sukachita-nya saya telah mengisytiharkan dengan rasmi-nya tadi Mesjid Penanjong ini di-buka."



Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin kelihatan dalam gambar ini di-istiadat pembukaan rasmi Mesjid Chahaya Derma Bakti, Kampong Penanjong pada 25 August, 1961.

PERADUAN LUKISAN

BANDAR BRUNEI. — Peraduan Lukisan bagi hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia kali yang ke-45 pada 23 September terbuka kepada penduduk2 negeri ini akan di-adakan sa-bagai salah satu acara sambutan hari dargahayu Duli Yang Maha Mulia itu.

Lukisan2 yang di-kehendaki dalam peraduan tersebut ia-lah:

TERBUKA

◆ Lukisan Pemandangan dengan pencil, chat ayer dan chat minyak, ukuran kertas 15" x 18";

◆ Lukisan Orang2 Mashhor yang ada hubungan-nya dengan Negeri Brunei dengan pencil dan chat minyak, ukuran kertas 12" x 15"; dan

◆ Lukisan Poster mengenai kema'amoran Negeri Brunei — dengan ukuran 10" x 12".

MURID SEKOLAH

◆ Lukisan Pemandangan dengan pencil, chat ayer dan chat minyak, ukuran kertas 15" x 18";

◆ Lukisan Orang2 Mashhor mengenai kemajuan Negeri Brunei — dengan pencil dan chat minyak, ukuran kertas 12" x 15"; dan

◆ Buah2an dan bunga2an, dengan kapur warna.

GAMBAR

(PHOTOGRAPH)

◆ Gambar pemandangan Negeri Brunei; dan

◆ Gambar Orang2 kenamaan Negeri Brunei.

Orang2 yang mengambil bahagian dalam peraduan ini, tidak di-benarkan menghantar lukisan yang pernah di-tunjukkan pada tahun lepas dan tiap2 peserta hanya di-benarkan menghantar dua keping lukisan tiap2 satu bahagian.

Lukisan atau gambar2 hendak-lah yang di-buat dalam negeri ini sahaja.

Sharat2 yang lain untuk memasuki peraduan ini ia-lah:

◆ Nama dan alamat peserta hendak-lah di-tulis di-belakang lukisan-nya; dan

◆ Gambar (Photograph) hendak-lah di-tampalkan di-sa-keping kertas khas yang berukuran 10" x 12".

Segala lukisan hendak-lah di-hantar tidak lewat 20 September kepada:

Pengerusi Peraduan Lukisan 1961, d/a Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, BANDAR BRUNEI.

LORD SELKIRK MELAWAT BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Lord Selkirk, Pesuruh Jaya Agong Inggeris di-Tenggara Asia telah melawat ka-Negeri Brunei pada 25 August yang lalu dan telah berangkat ka-Lutong, Sarawak tiga hari kemudian.

Dalam masa tersebut beliau telah menjadi tetamu kepada Tuan D.C. White, Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei.

Beliau juga telah mengadap Duli Yang Maha Mulia semasa melawat ka-Negeri Brunei.

Lawatan Lord Selkirk ka-Bru-

nei pada kali ini, bukan-lah untuk mengadakan perundingan dengan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan berhubung dengan kemungkinan negeri ini memasuki Persekutuan Malaysia Raya sa-bagaimana yang di-katakan oleh Tengku Abdul Rahman Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu dalam akhbar The Sunday Times keluaran 27 August, 1961.

Lawatan Lord Selkirk ka-Brunei, ia-lah lawatan-nya seperti biasa dalam bidang lawatan-nya ka-Negeri2 Brunei dan Sarawak.

ASHKAR MELAYU BRUNEI:

200 ORANG DI-KEHENDAKI

BANDAR BRUNEI. — Beberapa orang pegawai tentera Persekutuan Tanah Melayu yang di-ketuai oleh Major Sharif bin Ahmed, pegawai pengambil orang2 baru tentera Persekutuan Tanah Melayu telah tiba di-sini dalam minggu yang lalu untuk memilih orang2 baru bagi Ashkar Melayu Brunei.

Orang2 yang berhak untuk diambil berkhidmat dengan Ashkar Melayu Brunei ada-lah seperti dibawah ini:

☆ **Kera'ayatan:** Sa-orang pemohon mesti-lah orang yang diperanakan dalam Negeri Brunei yang biasa-nya di-terima sa-bagai keturunan dari salah satu puak jati dari Bangsa2 Melayu, ia-itu Belait, Bisayah, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut atau Tutong.

☆ **Umur:** Mesti-lah telah mencapai umur 18 tahun, tetapi tidak lebih daripada 25 tahun pada masa ia-nya masuk berkhidmat.


☆ **Susok badan:** Sa-orang pemohon mesti-lah sekurang2-nya 62 inchi tinggi dan berat badannya tidak kurang daripada 105 pound dan buka dada sa-kurang2-nya 30 inchi.

Terima Kaseh

SERIA. — Persatuan Murid2 Tua Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin telah mempersembahkan drama "Keris Sempena Riau" di-dewan Maktab Anthony Abell pada malam2 Sabtu dan Ahad yang lalu.

Awangku Yassin bin Pengiran Othman, Naib Pengurus, Persatuan Murid2 Tua Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin mengucapkan berbanyak2 terima kaseh bagi pehak persatuan-nya kepada Yang Dimuliakan Pehin Bendahari China, Hong Kok Tin terhadap derma dan juga atas usaha-nya menolong menjual tiket2 sandiwara tersebut.

BERLATEH DI-LUAR NEGERI



Puan Roselind Chia dan Puan Cecilia Th'ng jururawat2 yang bertauliah di-Rumah Sakit Besar Negeri Brunei telah berlepas dengan kapal terbang ka-Persekutuan Tanah Melayu baharu2 ini. Mereka akan berlateh di-Rumah Sakit Besar, Johore Bharu sa-lama kira2 sa-tahun.

doktor untuk berkhidmat dalam Ashkar Melayu Brunei itu.

Tarikh2 dan tempat2 pemilihan orang baru untuk berkhidmat dengan Ashkar Melayu Brunei ada-lah seperti di-bawah ini:

Bandar Brunei — Di-dewan Sultan Omar Ali Saifuddin College pada hari2 Ithnin dan Thalhatha 4 dan 5 September, hari ini dan esok dan sa-kali lagi pada 13, 14 dan 16 September.

Kuala Belait — Di-dewan Jabatan Penerangan pada 9, 11 dan 12 September.

MENINJAU CHARA-CHARA PERKEMBANGAN PELAJARAN DI-P. T. M.

BANDAR BRUNEI. — Enam orang guru2 Melayu Brunei yang terdiri dari sa-orang Nazir dan lima orang Guru Besar telah berlepas dengan kapal terbang ka-Persekutuan Tanah Melayu pada 1 September yang lalu kerana meninjau chara2 perkembangan pelajaran dan pentadbiran sekolah2 di-sana.

Mereka itu ia-lah Inche' Md. Yusuf bin Tahir, Nazir Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei; Inche' Ludin bin Hashim, Guru Besar Sekolah Melayu Temburong; Inche' A.M. Yusuf bin A.M. Daud, Guru Besar Sekolah Melayu Lela Menchanai; Inche' Abdullah bin Penyurat Haji Abu Bakar, Guru Besar Sekolah Melayu Bukit Bendera Tutong; Inche' Md. Yasin bin Haji Metasim, Guru Besar Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin Kuala Belait dan Inche' Julaihi bin Sulaiman, Guru Besar Sekolah Melayu Kilanas.

Di-lapangan terbang rombongan guru2 itu telah di-hantar oleh Pegawai Pelajaran Negara, Yang Berhormat Inche' Idris bin Babjee dan Pengelola Pelajaran

Melayu, Inche Noordin bin Abdul Latif sa-lain dari keluarga dan sahabat handai mereka.

Di-jangka sa-lama sa-bulan di-Persekutuan Tanah Melayu, rombongan guru2 itu akan mengikuti ranchangan yang telah di-atorakan oleh Kementerian Pelajaran di-Kuala Lumpur, dalam bi-dang2 melawat sambil belajar.

PAMERAN BUKU2

BANDAR BRUNEI. — Pameran Buku2 yang terdiri dari buku2 Melayu dan Inggeris akan di-adakan sa-lama tiga hari mulai pada 23 hingga 25 September di-dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin di-sini kerana menyambut hari dargahayu Duli Yang Maha Mulia mulai pada 23 September.

Pameran Buku2 tersebut akan di-anjarkan oleh Penerbitan Ceasar di-Bandar Brunei dan Penerbitan Donald Moore dari Singapura.

NILAI PEMBACHAAN

Inche' Zaini Haji Ahmad, pengurus Penerbitan Ceasar berkata bahawa pameran buku2 tersebut ada-lah sa-bagai menyambut hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia di-samping untuk mengukir nilai pembachaan penduduk2 negeri ini terhadap buku2 Melayu dan Inggeris.

"Dengan itu, barangkali kami akan dapat memasokkan apa2 jenis buku yang di-gemari oleh penduduk2 negeri ini," tegas beliau.

Pameran itu di-buka dari jam 8.00 pagi hingga 10.00 malam pada hari2 tersebut.

PERTUKARAN GURU2 MELAYU

BANDAR BRUNEI. — Yang Berhormat Inche' Md. Hashim bin Tahir, Nazir Sekolah2 Melayu Bahagian Temburong telah bertukar menjadi Nazir Sekolah2 Melayu Bahagian Pekan Brunei dan Yang Berhormat Inche' Shahabuddin bin Saleh, Guru Besar Sekolah Melayu Berakas, menjadi Pemangku Nazir Sekolah2 Melayu Bahagian Temburong.

LAIN2 GURU

Pertukaran guru2 tersebut telah berjalan mulai pada 1 September yang lalu.

Lain2 guru yang bertukar dan naik pangkat ia-lah:

Inche' Md. Daud bin Seruddin, Guru Besar (pertama) Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam Bandar Brunei menjadi Pemangku Nazir Sekolah2 Melayu Bahagian Tutong.

Awang Mohsin bin Pengiran Damit, Guru Besar Sekolah Melayu Lela Menchanai Bandar Brunei menjadi Guru Besar (pertama) Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam Bandar Brunei.

Inche' A.M. Yusuf bin A.M. Daud, Guru Besar Sekolah Melayu Sengkurong menjadi Guru Besar Sekolah Melayu Lela Menchanai Bandar Brunei.

Inche' Muhammad bin Ja'afar, Guru Besar Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut menjadi Guru Besar Sekolah Melayu Berakas.

Inche' Md. Hassan bin Sunggoh, Guru Besar Sekolah Melayu Lumapas menjadi Guru Besar Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut.

GURU PENOLONG

Inche' Marsal bin Baik, Guru Penolong Sekolah Melayu Sultan Omar Ali Saifuddin, Muara menjadi Guru Besar Sekolah Melayu Lumapas.

Inche' Masri bin Dato Haji Md. Yusuf, Guru Penolong Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam Bandar Brunei menjadi Guru Besar Sekolah Melayu Sengkurong.

Inche' Abd. Latif bin A. Chu-chu, Guru Pelateh Sekolah Melayu Berakas menjadi Guru Pelateh Sekolah Melayu Sultan Omar Ali Saifuddin Muara.

Che' Sari binte Luhong, Guru Pelateh Perempuan Sekolah Melayu Sultan Omar Ali Saifuddin Muara menjadi Guru Pelateh Perempuan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah Bandar Brunei.

Dan Che' Rokiah binte Hus-sain, Guru Pelateh Perempuan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei menjadi Guru Pelateh Perempuan Sekolah Melayu Sultan Omar Ali Saifuddin Muara.

PERAYAAN MAULUD NABI DI-BRUNEI

Sa-belum perarakan itu dijalankan pada pukul 2.00 petang pekarangan mesjid Omar Ali Saifuddin telah di-banjiri oleh kaum muslimin dan muslimat yang terdiri dari orang2 tua, dewasa lelaki dan perempuan dan kanak2 lelaki dan perempuan.

Enam das meriam telah ditembakkan sa-telah salawat di-bachakan oleh Mudim Haji Md. Yusof yang mengalamatkan perarakan mulai berjalan.

Sesuai sahaja perarakan itu balek sa-mula ka-pekarangan mesjid Omar Ali Saifuddin, ucapan2 yang berhubung dengan sejarah Nabi Besar Muhammad s.a.w. dan agama Islam telah di-lafadzkan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Haji Md. Salleh, Yang Di-Muliakan Begawan Pehin Khatib Haji Metali dan titah nasehat oleh Duli Yang Maha Mulia yang berbunyi :

"Alhamdulillah, segala pujian hak bagi Allah, salawat dan salam-nya ka-atas sa-mulia2 hamba-nya Syedina Muhammad penghulu segala rasul2, dan ka-atas sakalian keularga dan sahabat-nya dan sakalian pengikut2-nya yang dengan ikhlas berjuang pada jalan Allah dan Rasul-nya.

"Pada hari yang berbahagia hari ulang tahun kelahiran junjongan besar kita Nabi Muhammad s.a.w. ini, yang telah kita

Perayaan Maulud Nabi Muhammad s.a.w. telah disambut pada 23 August yang lalu oleh seluruh umat Islam di-Negeri Brunei dengan berbagai2 achara yang satu tujuan pada dasarnya ia-itu sa-bagai memperingati pengajaran Islam yang di-bawakan oleh nabi besar itu dan jasa baik-nya terhadap manusia sa-jagat.

Di-Bandar Brunei suatu perarakan berjalan yang mengandongi 19 pasukan yang terdiri dari pasukan2 polis, kampung2, Maktab Perguruan, Sekolah2 Uagama dan orang2 ramai telah di-adakan.

Sambutan Maulud Nabi itu ia-lah anjoran Persatuan Kasatuan Islam Brunei kali yang ke-9 di-Bandar Brunei.

Lebeh 2,000 orang telah mengambil bahagian dan menyaksikan perayaan itu.

raikan dan menyambut-nya dengan bermacam2 perarakan dan keramaian diseluruh negeri kita ia-lah tanda mengenang dan memuliakan kapada junjongan kita, sa-sungguh-nya suatu amal yang mulia dan terpuji.

"Kita bershukor kapada Allah kerana telah memberi nikmat panjang umur kita dapat meraikan hari lahir-nya itu pada tahun ini dan kita berdo'a kira-nya dapat-lah lagi kita menyambut Maulud Nabi Besar kita ini pada tahun2 yang akan datang.

"Kita sakalian telah menderang riwayat dan hikayat bila dan mengapa junjongan kita itu di-utus oleh Allah ka-dunia ini. Beliau di-utuskan ka-dunia bertepatan pada ketika dunia ini sedang tenggelam dengan kejahatan dan ma'asiat serta

manusia telah melupakan Allah.

"Hidup manusia masa itu sudah tiada berhukum dan berundang2 lagi melainkan mengikut hawa nafsu iblis dan shaitan, dengan demikian terbiarlah segala hamba Allah yang bodoh dan miskin itu menjadi mangsa orang2 yang jahat dan kuat dan kepala2 penyamun yang ganas merampas harta dan membunuh manusia sawenang2-nya.

"Allah yang amat pemurah lagi kasehan belas kapada hamba-nya pun mengutus junjongan kita Muhammad s.a.w. seperti firman Allah dalam Al-Koran yang bermaksud: "Bahawa sa-sungguh-nya kami telah mengutus kamu hai Muhammad menjadi saksi — atas rahman dan rahim kami — dan membawa khabar kesukaan — ia-itu mengatorkan manusia menjadi manusia yang bermain dan berperatoran — juga membawa khabar yang menakutkan ia-itu balasan 'azab bagi yang ingkar, dan menyuruh orang masuk ka-ugama Allah ia-itu uagama Islam dengan izin Allah, dan menjadi sa-bagai satu pelita yang terang berchahaya."

"Sekarang, sudah lebeh 1300 tahun lama-nya junjongan kita itu meninggalkan kita umat-nya yang berugama dengan uagama Islam. Kita beriman kapada Allah dan Rasul dan telah mengikut perintah2 Allah sa-bagai yang termaktub di-dalam kitab Allah ia-itu Al-Koran, yang menjadi pusaka dan ikutan kita sa-lepas wafat-nya junjongan yang mulia itu, seperti sabda Rasullah s.a.w.: "Aku telah meninggalkan bagi kamu dua perkara yang jika kamu berpegang dengan kedua-nya nescaya kamu tiada akan sesat sa-lepas mati-ku sa-lama2-



D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan

nya; ia-itu kitab Allah (Al-Koran) dan sunnah-ku atau hadith dan chara perjalanan-ku."

"Dalam zaman yang akhir2 ini, banyak-lah orang Islam telah di-kelirukan oleh hawa nafsu dan asutan hingga telah merasa bahawa uagama Islam itu tidak lain melainkan menyuruh sembahyang dan berdo'a sahaja, di-mana-kah akan dapat kemajuan?

"Lihat-lah chontoh junjongan kita, beliau tidak-lah menghabiskan masa-nya dengan sembahyang sahaja bahkan beliau ia-lah sa-orang manusia dan bekerja memperbaiki masharakat manusia, beliau membahagikan masa-nya sa-hari sa-malam kapada tiga bahagian ia-itu 8 jam untuk Allah ia-itu beribadat dan menyembah Allah, 8 jam untuk berkhidmat kapada hamba Allah, yang ia-itu juga di-pandang sa-bagai satu ibadat dan kebajikan kapada Allah, dalam 8 jam ini juga beliau bekerja untuk nafkah diri dan anak isteri-nya, dan 8 jam lagi untuk berehat, menghiburkan anak isteri dan tidor.

"Orang Islam yang telah di-kelirukan itu sa-benar-nya tiada mengambil berat mempelajari perintah2 uagama sebab itu mudah-lah termasuk shak waham terhadap uagama-nya. Rasullullah sendiri telah bersabda: Tidak-lah baik kamu orang yang meninggalkan akhirat-nya kerana menuntut dunia sahaja, dan tidak-lah baik orang yang meninggalkan hal dunia kerana menuntut akhirat-nya samata2. Sebab Islam ia-lah mengatorkan masharakat yang adil dan ma'amor di-dunia dan membersekan iktikad atau faham menyembah yang sesat.

"Shukor kita kerana sambutan maulud kita pada tahun ini chukup berjaya, dan saya sukachita kira-nya kesukaan dan kegembiraan yang kita lahirkan pada hari ini kerana kaseh dan memuliakan junjongan kita itu akan berkesan baik di-dalam hati kita sakalian, dan akan menambahkan lebeh2 lagi yakin, takwa dan chinta kita kapada uagama Islam yang maha suchi ini.

"Mudah2an Allah Subhanahu wa-ta'ala menemaniakan taufik dan hidayat bagi kita serta pahala yang berganda2 jua atas amal ikhlas kita pada hari ini."

KEPUTUSAN PERARAKAN

BANDAR BRUNEI. — Sa-banyak 19 pasukan2 telah mengambil bahagian dalam perarakan Maulud Nabi yang telah di-langsungkan di-Bandar Brunei pada 23 August yang lalu.

Pasukan2 itu mengandongi 9 pasukan sekolah2, 7 pasukan kampung2, 2 pasukan pejabat2 Kerajaan dan sa-pasukan Maktab Perguruan Melayu Brunei.

Keputusan2 perarakan tersebut ada-lah seperti di-bawah ini:

Bahagian Sekolah2: 1. Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah Pasukan "A". 2. Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah Pasukan "B". 3. Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam Pasukan "C".

Bahagian Kampung2 dan lain2-nya: 1. Pejabat Polis 2. Maktab Perguruan Melayu Brunei. 3. Kampung Pemancha Lama.

Chogan kata yang terbaik sakali di-menangi oleh Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei.

Maktab Perguruan Melayu Brunei telah menjadi johan dalam perarakan salawat.

lam perarakan salawat.

Gelaran johan berjalan dan berbaris di-menangi oleh Pejabat Polis.

Sa-lain daripada hadiah2 tersebut hadiah2 juga di-berikan untuk sambutan Maulud yang ramai sa-lama 12 malam di-Mesjid Omar Ali Saifuddin dan yang berjaya ia-lah: 1. Polis 2. Pejabat Kerja Raya Bahagian Bangunan 3. Kaum Muslim India dan 4. Tuan Haji Bakar bin Awang Hashim.

Hadiah2 itu di-sampaikan oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara.

Gambar2 bawah ia-lah di-antara pasukan yang mengambil bahagian dalam perarakan tersebut.





Pegawai2 dan pemain2 Pasokan2 Bola Sepak Negeri Brunei dan Borneo Utara bergambar ramai sa-belum di-langsungkan pertandingan bola sepak Piala Borneo di-antara Brunei dan Borneo Utara di-Bandar Brunei pada 27 August, 1961.

BOLA SEPAK PIALA BORNEO:

Brunei Akan Melawan Sarawak di-Kuching

BANDAR BRUNEI. — Borneo Utara telah mengalahkan Negeri Brunei dengan 3 gol berbalas 2 dalam pertandingan bola sepak Piala Borneo di-padang besar di-sini pada petang hari Ahad 27 August lepas.

Ini-lah kali yang kedua pertemuan pasokan2 tersebut, manakala pertandingan yang pertama telah di-langsungkan di-Jesseltan, pada petang hari Ahad 6 August yang lalu Negeri Brunei telah mengalahkan Borneo Utara dengan 3 gol berbalas satu.

Sungguh pun pasokan Negeri Brunei telah kalah dalam pertandingan kali yang kedua tetapi mereka masih mendapat mata yang lebih daripada Borneo Utara dan dengan itu berjaya memasuki pertandingan sa-paroh akhir dengan Negeri Sarawak, pemegang Piala Borneo.

Pertandingan sa-paroh akhir bola sepak bagi merebutkan Piala Borneo itu akan di-langsungkan di-Kuching tidak berapa lama lagi dan pertandingan akhir akan di-langsungkan di-Negeri Brunei.

Chegu Ismail dan Norman Vowles telah menjaringkan satu gol sa-orang bagi pasokan Negeri Brunei.

Gol2 bagi pasokan Borneo Utara telah di-jaringkan oleh Khoo Yong Kim (2 gol) dan K. Vasan (1 gol).

BERJAYA MENJARINGKAN

Pemain2 pasokan Negeri Brunei telah menunjukkan permainan yang chemerlang semenjak sa'at yang pertama pertandingan itu dan 10 minit kemudian para penonton yang menyokong pasokan tempatan telah bersorak dan bertepok tangan di-sebabkan Negeri Brunei telah berjaya memperolehi gol-nya yang pertama apabila Chegu Ismail berhasil menjaringkan satu gol dengan tendangan yang kuat kira2 30 eld dari hadapan pintu gol pasokan Borneo Utara.

Lima minit kemudian, Borneo Utara telah mendapat gol-nya yang pertama, ia-itu di-jaringkan oleh Khoo Yong Kim, kapten-nya.

Tidak berapa lama kemudian Yong Kim menjaringkan gol yang kedua bagi pasokan Borneo Utara.

Pada masa rehat, Borneo Utara mendapat 2 gol, manakala Negeri Brunei mendapat satu gol.

Lima minit sa-lepas berehat Borneo Utara telah mendapat

gol-nya yang ke-tiga menerusi Vasan.

Dengan itu Borneo Utara mendapat tiga gol dan Negeri Brunei 1 gol.

Sembilan minit kemudian pemain2 Negeri Brunei telah berjaya menembusi ka-dalam kubu pertahanan Borneo Utara dan Norman Vowles, centre forward pasokan Brunei menchetak

gol Brunei yang kedua, dan gol ini-lah yang memberi peluang kepada Brunei melawan Sarawak.

Meskipun pasokan Brunei berkali2 membuat serangan yang hebat, akan tetapi oleh kerana kubu pertahanan Borneo Utara dijagati dengan kuat, maka pasokan tempatan telah tidak dapat menjaringkan lagi.

Akhir-nya, Borneo Utara mendapat tiga gol dan Negeri Brunei mendapat dua gol.

Inche Inder Singh dari Setia telah mengadilkan pertandingan itu.

HOKEY DAERAH BELAIT

SERIA. — Klab Melayu Shell telah menjadi johan dalam pertandingan hokey Daerah Belait bagi tahun 1961 apabila klab itu mengalahkan Jabatan Kerja Raya dengan 3 gol berbalas 1.

Pertandingan yang hebat itu telah di-langsungkan di-padang Shell Recreation Club dan disaksikan oleh ramai penggemar2 permainan hokey.

Kedua2 pasokan telah bermain sama cergas dalam masa pertengahan yang pertama dan dalam masa itu mereka telah tidak dapat menjaringkan satu gol pun.

Lima minit sa-lepas berehat Hussin Mohamed dari Klab Melayu Shell telah menjaringkan gol yang pertama dalam pertandingan itu.

Kemudian pertandingan kelihatan lebih baik lagi daripada keadaan pada masa pertengahan yang pertama.

BERUSAHA MENEMBUSI

Pemain2 Pasokan Jabatan Kerja Raya telah berusaha dengan kuat menembusi masuk ka-dalam kubu pertahanan Klab Melayu Shell dan lima belas minit sa-lepas pertandingan di-mulai pada masa pertengahan yang kedua Jabatan Kerja Raya telah berhasil mendapat gol-nya yang tunggal dalam pertandingan itu di-jaringkan oleh Awangku Damit.

Pada sa'at itu pertandingan tersebut telah seri, ia-itu Klab Melayu Shell mendapat satu gol, manakala Jabatan Kerja Raya

pula mendapat satu gol.

Tidak berapa lama sa-lepas itu, Klab Melayu Shell telah mendapat gol-nya yang kedua menerusi Nazari dan sa-belum tamat pertandingan itu Awangku Besar menjaringkan gol Klab Melayu Shell yang ketiga.

Keputusan pertandingan hokey Daerah Belait bagi tahun ini ada-lah seperti berikut:

1. Klab Melayu Shell — bermain 14 kali, menang 12 kali, kalah sa-kali dan seri sa-kali. Jumlah 25 mata.

2. Jabatan Kerja Raya — bermain 14 kali, menang 11 kali, kalah 2 kali dan seri sa-kali. Jumlah 23 mata.

3. Panaga — bermain 14 kali, menang 6 kali, kalah 6 kali, dan seri 2 kali. Jumlah 14 mata.

4. Maktab Anthony Abell — bermain 14 kali, menang 6 kali, dan kalah 8 kali. Jumlah 12 mata.

5. Klab China Shell — bermain 14 kali, menang 5 kali, kalah 7 kali dan seri 2 kali. Jumlah 12 mata.

6. Sekolah Pertukangan — bermain 14 kali, menang 3 kali, kalah 10 kali dan seri sa-kali. Jumlah 7 mata.

7. Pulis — bermain 14 kali, menang sa-kali, kalah 10 kali dan seri 3 kali. Jumlah 5 mata.

WAYANG GAMBAR JABATAN PENERANGAN

BANDAR BRUNEI. — Tarikh2 dan tempat2 pertunjukan wayang gambar Jabatan Penerangan Kerajaan Brunei mulai dari hari ini hingga ka-akhir bulan ini ada-lah seperti berikut:

Hari ini — Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut, Brunei

7 September — Kawasan Penjara Jerudong, Brunei dan Kuala Balai, Ulu Belait.

9 September — Tanah Jambu, Muara.

11 September — Sekolah Melayu Amo, Temburong dan Bukit Sawat, Ulu Belait.

12 September — Sekolah Melayu Biang, Temburong.

13 September — Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar, Temburong dan kawasan Kilang Panapis Ayer, Badas, Seria.

14 September — Sekolah Melayu Batu Apoi, Temburong.

16 September — Sekolah Melayu Lumapas, Brunei dan Kampong Danau, Tutong.

18 September — Sekolah Melayu Dato Gandi, Brunei.

19 September — Sekolah Melayu Sungai Besar, Brunei dan kawasan Flat, Jalan Panglima, Kuala Belait.

20 September — Sekolah Melayu Batu Marang, Brunei.

21 September — Kampong Buring Pingai Berakas, Brunei dan Rumah Orang2 Tua, Seria.

27 September — Kampong Telisai, Daerah Belait.

30 September — Kawasan Rumah Sakit Kerajaan di-Bandar Brunei.

Tiap2 pertunjukan wayang gambar tersebut di-mulai pada pukul 7.30 malam.

Balek dari Manila

BANDAR BRUNEI. — Tuan A.N. Outram, Pesuruh Jaya Pulis Negeri Brunei dan Inche Talib bin Darwish, Pemangku Jurutera Negara, Brunei telah berangkat ka-Philipina dengan kapal terbang dari Brunei dalam bulan August yang lalu untuk menghadiri seminar Bangsa2 Bersatu.

Seminar itu telah di-adakan di-Manila mulai daripada 28 August hingga 5 September. Di-antara perkara2 yang di-rundingkan dalam seminar tersebut ia-lah mengenai kejuruteraan lalu lintas dan keselamatan jalan raya.

Tuan Outram dan Inche Talib di-jangka akan tiba di-lapangan terbang Berakas, di-sini pada besok, hari Khamis 7 September.

PERUNDINGAN J.K. SETIAKAWAN MALAYSIA DI-JESSELTON

JESSELTON. — Wakil2 dari Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Borneo Utara dan Sarawak telah menghadiri Perundingan Setiakawan Malaysia di-Jesselton, Borneo Utara pada hari Khamis 25 August yang lalu.

Sidang Jawatan Kuasa Perwakilan tersebut ia-lah seperti di bawah ini:—

Dari Persekutuan Tanah Melayu — Inche Ismail Yusof, Menteri Muda Dalam Negeri (sa-bagai Ketua); Inche Hussein Noordin, Setia Usaha Agong, UMNO Malaya; Senator S.O.K. Ubaidullah dan Tuan Lee San Choon, Setia Usaha Kerja, Perikatan UMNO/MCA/MIC.

Dari Singapura — Tuan S. Rajaratnam, Menteri Kebudayaan dan Dato Abdul Hamid bin Haji Jumat.

Dari Borneo Utara — Tuan Donald Stephens (Ketua); Tuan Khoo Saik Chew, Dato Mustapha bin Harun, Tuan G.S. Sundang, Tuan Pang Tet Tshung dan Tuan Lai En Kong.

Dari Sarawak — Tuan Yeo Cheng Hoe dan Inche Ainnie bin Dhoby.

Ini-lah Persidangan Jawatan Kuasa Perundingan Setiakawan Malaysia yang pertama sa-kali di-adakan di-Jesselton.

Pembentukan Jawatan Kuasa itu telah di-chadangkan oleh wakil2 dari Borneo Utara dan Sarawak yang menghadiri persidangan Persatuan Commonwealth di-Singapura baharu2 ini.

Tuan Donald Stephens dari Borneo Utara telah memimpin persidangan tersebut.

Dalam ucapan-nya Tuan Stephens menegaskan bahawa penting-nya kelima2 buah negara Malaysia yang di-ranchang-

kan oleh Tengku Abdul Rahman Putera Al-Haj, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu mengkaji segala yang bersangkutan paut dengan ranchangan Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu itu.

Tuan Stephens yakin bahawa pembentukan Malaysia Raya itu kelak memperkokohkan negeri2 yang bersangkutan pada masa hadapan.

Inche Ismail Yusof berkata di-persidangan itu bahawa kedatangan-nya ka-Jesselton pada kali ini bukan-lah sa-kadar membuat ucapan2 yang berbunga, tetapi untuk mengatorkan perhubungan dengan bersungguh2 di-masa hadapan dan "menentukan nasib kita kekal abadi".

Ranchangan pembentukan Malaysia Raya itu telah menarek perhatian sa-genap ra'ayat kerana ia menarek rasa kaseh persaudaraan dan perpaduan yang di-rasai oleh Persekutuan Tanah Melayu terhadap ra'ayat2 Borneo Utara, Brunei, Sarawak dan Singapura, kata lagi Inche Ismail Yusof.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG DI-JABATAN PENERANGAN

BANDAR BRUNEI. — Jawatan2 yang kosong di-Jabatan Penerangan Brunei adalah seperti di-bawah ini:—

(a) Pemandu Motor Sangkut/Projectionist — Gaji-nya dalam tingkatan D (b) 1-2-3-4-5-6, ia-itu \$190 x 7-211-220 x 10-260-280-290 x 20-350. (Satu jawatan kosong).

(b) Pemandu Kereta/Projectionist — Gaji-nya dalam tingkatan D (b) 1-2-3-4-5-6, ia-itu \$190 x 7-211-220 x 10-260-280-290 x 20-350. (Satu jawatan kosong).

(c) Penjaga Barang2 II — Gaji-nya dalam tingkatan D (b) 2-3-4-5/D (a) 1, ia-itu \$211-220 x 10-280-290 x 20-330/350-370-380. (Satu jawatan kosong).

Pemandu Motor Sangkut. (1) Pemohon mesti mempunyai pengalaman dalam memandu Outboard motor dan juga boleh memperbaiki kerosakan2 kecil pada injin outboard. (2) Pemohon mesti-lah mempunyai pengetahuan dalam menjalankan Jentera Wayang Gambar dan Generator. (Ini akan di-adakan pemereksaan oleh Jabatan Penerangan). 3. Pemohon mesti tammat sekurang2-nya Darjah V Sekolah Melayu. (4) Pemohon mesti-lah di-peranakkan di-Negeri Brunei (sharat ini di-buat sementara belum ada taraf keraayatan Negeri Brunei). (5) Pemohon dari Pegawai2 Kerajaan hendak-lah di-hantar melalui Ketua Pejabat masing2.

Pemandu Kereta/Projectionist: (1) pemohon mesti mempunyai Licence memandu kereta. (2) Pemohon mesti-lah mempunyai pengetahuan dalam menjalankan Jentera Wayang Gambar dan Generator (ini akan di-adakan pemereksaan oleh Jabatan Penerangan). (3) Pemohon mesti tammat sekurang2-nya Darjah V Sekolah Melayu. (4) Pemohon mesti-lah di-peranakkan di-Negeri Brunei (sharat ini di-buat sementara belum ada taraf keraayatan Negeri Brunei). (5) Pemohon dari Pegawai2 Kerajaan hendak-lah di-hantar melalui Ketua Pejabat masing2.

Penjaga Barang2 Grade II: Pemo-

hon2 hendak-lah lulus sekurang2-nya Darjah VI Sekolah Melayu. Pemohon2 yang pada masa ini sedang dalam Perkhidmatan Kerajaan akan juga di-pertimbangkan.

Pemohonan hendak-lah di-buat di atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Setia Usaha Jawatankuasa Perkhidmatan Awam dan mesti-lah di isi dan di-hantar balek sa-belum 11.9.61. Pemohon2 yang sekarang sedang dalam Perkhidmatan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan2 mereka melalui Ketua Pejabat mereka masing2 yang akan menghantar sokongan mereka.

PENGIRAN PUTEH KA-AMERIKA

BANDAR BRUNEI. — Pengiran Puteh bin Pengiran Haji Rajid, Pemangku Pegawai Penerangan Negara Brunei akan melawat ka-Amerika Sharikat sa-lama tiga bulan atas undangan Kerajaan Amerika Sharikat.

Sa-masa berada di-sana beliau akan mempelajari hal ehwal kebajikan masharakat, terutama sa-kali mengenai perkhidmatan2 yang di-jalankan oleh badan2 perkhidmatan kebajikan masharakat.

Pengiran Puteh akan berlepas dengan kapal terbang Malayan Airways dari lapangan terbang Berakas, Brunei ka-Singapura pada pukul 4 petang hari ini dan akan berangkat ka-Amerika Sharikat dengan sa-buah kapal terbang yang lain pada hari Jumaat 8 September.

Dalam perjalanan ka-Washington, ibu kota Amerika Sharikat, Pengiran Puteh akan sing-

Pelateh2 Pulis

BANDAR BRUNEI. — Dua puluh orang pelateh2 pulis yang baharu akan berangkat ka-Persekutuan Tanah Melayu dari sini pada 9 October hadapan untuk berlatih di-Pusat Latehan Pulis, Kuala Lumpur sa-lama kira2 delapan bulan.

gah di-Hongkong, Negeri Jepun, Guam, Honolulu dan San Francisco. Dalam perjalanan balek ka-Brunei beliau akan melawat ka-beberapa buah negara di-Eropah dan Asia.

Lawatan Kapal Perang

KUALA BELAIT. — Sa-buah kapal perang Australia, H.M.A.S. "Vendetta", berat-nya 3,600 tan, akan tiba di-Negeri Brunei pagi hari Khamis 7 September dari Hongkong.

Ia akan berlaboh di-laut kira2 2 batu dari kuala Sungai Belait. Kapal perang itu akan berada di-negeri ini sa-lama lima hari. Kemudian ia akan belayar ka-Pulau Pinang.

"Vendetta" ada-lah di-ketuai oleh Kapitan J.M. Ramsay dan mengandongi 20 orang pegawai2 serta 300 orang kelasi2.

MENINGGAL DUNIA DI-CONGO

KUALA LUMPUR. — Mayat perajurit Razak bin Bachik dari Regiment Peninjau yang kedua yang mati dalam satu kemalangan jalan raya di-Congo pada 17 August yang lalu telah tiba di-sini pada 27 August.

Perdana Menteri, Tengku Abdul Rahman, telah pergi ka-lapangan udara untuk menyaksikan sendiri ketibaan mayat itu dan pemindahan-nya daripada kapal terbang ka-sa-buah kereta tentera.

Kereta itu telah membawa jenazah Allah Yarham itu ka-Masjid Tanah Melaka untuk di-kebumikan sa-chara ketenteraan.

Kaum keluarga Allah Yarham itu juga hadir di-lapangan udara bersama Menteri Pelajaran, Inche Abdul Rahman bin Haji Talib, dan Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masharakat, Dato Ong Yoke Lin. Sa-pasokan perajurit dari Regiment Peninjau yang pertama telah mengawal jenazah itu.

Allah Yarham Perajurit Razak meninggalkan sa-orang balu, Che Hasiyah binte Mohamed Talib dan dua orang anak lelaki. Mereka tinggal di-Imbi Road di-sini.

Sementara itu, mayat perajurit A. Murighah dari regiment itu juga yang diperchayai terbunuh dalam satu kemalangan senjata di-jangka akan tiba pada minggu ini daripada Congo. — B.H.

RUSSIA MELETUPKAN SENJATA NUKLEAR

WASHINGTON. — Russia telah meletupkan senjata nuklear-nya di-udara ia-itu 48 jam sa-lepas ia mengumumkan hendak meneruskan sa-mula ujian2 alat nuklear itu.

Demikian menurut pengumuman yang di-terbitkan dari Rumah Putih.

Letupan itu telah berlaku di-kawasan Asia Tengah berhampiran dengan Semipalatinsk.

Berhubung dengan perkara tersebut Tuan Andrew Hatcher, Setiausaha akhbar bersekutu kepada President Kennedy berkata bahawa senjata nuklear itu adalah lebeh besar daripada bom atom yang di-gugorkan atas Hiroshima dan mengandongi kekuatan pembinasaan kira2 20,000 tan ubat bedil.

Sementara itu menurut berita dari Belgrade, negara2 berkecuali yang bersidang di-sana telah terkejut mendengarkan bahawa Russia telah meletupkan senjata nuklear-nya.